



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 16 APRIL 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	KPKM TIDAK LINDUNGI KARTEL BERAS, NASIONAL,SH-7 KAEDAH TERENGGANU ELAK HASIL PADI NEGERI KELUAR, NASIONAL,SH-7 TIADA KARTEL KAWAL BERAS, PADI, NEGARA,KOSMO-5 KPKM TAK AKAN LINDUNGI PIHAK TERBABIT KARTEL PADI, NASIONAL,BH-7 CARTEL ACTIVITIES WILL NOT BE TOLERATED : MINISTER, NATIONAL,THE SUN-3 'NO SHIELDING PADI CARTELS', NATION,THE STAR-7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7.	TAK PERNAH ARAH ANJING LIAR DIRACUN, LOKAL,HM-11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	KUPANG PD MASIH TAK SELAMAT DIMAKAN,NEGERI,SH-26 KUPANG DI PORT DICKSON MASIH TAK SELAMAT DIMAKAN,NASIONAL,BH-21 KUPANG PORT DICKSON LEBIH BIOTOKSIN, NEGARA,KOSMO-7 SAMPEL KEDUA KUPANG MASIH MENGANDUNGI BIOTOKSIN BERBAHAYA, DALAM NEGERI,UM-35 BANGKAI IKAN LUMBA-LUMBA DITEMUI TERDAMPAR DI YAN, DALAM NEGERI,UM-35 BANGKAI IKAN LUMBA-LUMBA TERDAMPAR DI PANTAI RUAT,NASIONAL,BH-21 IKAN LUMBA-LUMBA MATI DISYAKI TERKENA KIPAS BOT,NEGERI,SH-26 BANGKAI LUMBA-LUMBA 220KG TERDAMPAR, LOKAL,HM-6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
16.	LPP TERIMA 2,500 TAN KUOTA BPT SETIAP BULAN ATASI BEKALAN KURANG,NASIONAL,BH-7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
17.	USAHAWAN KEK KONGSI REZEKI MENERUSI PROGRAM KEBAJIKAN, NASIONAL,BH-17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
18.	SUSULAN JETI NELAYAN KAMPUNG SUNGAIBAGAN LAUT, RENGIT UZUR,LOKAL,HM-11	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
19. 20.	TIGA EMPANGAN MADA ADA TAKUNGAN CUKUP, LOKAL,HM-5 TAKUNGAN AIR DI TIGA EMPANGAN MADA MASIH MEMUASKAN, NASIONAL,BH-14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
21.	PROGRAM AUM AGROBANK BANTU TINGKAT KAPASITI PERNIAGAAN, BISNES,HM-27	AGROBANK
22.	NELAYAN RESAH MUARA PANTAI PENUNJUK CETEK, NEGARA,KOSMO-16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

KPKM tidak lindungi kartel beras

Kementerian beri jaminan tidak campuri siasatan yang dilakukan MyCC

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menegaskan tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dengan kartel padi dan beras.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya juga tidak akan mencampuri sebarang urusan siasatan yang

dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

"KPKM tiada halangan dan sentiasa bersedia memberikan sebarang maklumat kepada MyCC pada bila-bila masa diperlukan," tulis beliau menerusi hantaran di Facebook pada Isnin.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai persoalan kewujudan kartel padi dan beras oleh pihak media.

Ujar beliau, antara fungsi MyCC adalah menyiasat kewujudan kartel dalam ekonomi negara.

"Soalan ini saya sudah jawab beberapa kali pada media sebelum ini tapi mungkin mereka terlepas pandang.




MOHAMAD

"Semoga penjelasan ini dapat memberikan pencerahan pada semua," kata beliau.

Pada Januari lalu, KPKM menafikan kewujudan kartel atau mafia yang didakwa terbabit dalam penentuan harga beras dan benih padi.

Pihaknya telah mengeluarkan 39,000 lesen dalam usaha memastikan tiada kartel atau mafia memonopoli industri padi dan beras negara.

Lesen itu merangkumi lesen borong beras, lesen eksport, lesen import, lesen kilang padi, lesen membeli padi, lesen beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS).



Kartel didakwa terbabit dalam penentuan harga beras dan benih padi.

Sebelum ini pada Mac lalu, Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mendakwa, terdapat kartel beras putih tempatan membabitkan empat hingga lima syarikat di negara.

Katanya, syarikat-syarikat

berkenaan dipercayai bertindak mengawal jual beli padi dan makanan ruijitu sehingga berlaku kekurangan bekalan di pasaran serta peningkatan harga.

Jelasnya, maklumat itu diperoleh hasil daripada libat urus yang dijalankan bersama pegawai sawah, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Kaedah Terengganu elak hasil padi negeri keluar

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Terengganu melalui Jawatankuasa Padi Negeri Terengganu mempunyai mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi di negeri itu dijual ke kilang padi di negeri lain.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, pihaknya melalui bahagian Kawalselia Padi Beras Negeri Terengganu telah melaksanakan beberapa langkah kawalan bagi melindungi kepentingan pengilang bumiputera.

Menurutnya, Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang mengawal hasil padi daripada dijual keluar menerusi kerjasama dengan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

“Justifikasi kawalan itu ialah disebabkan ketidakcukupan padi dalam kalangan pengilang tempatan dan hasil padi di Terengganu. Di negeri ini terdapat empat kilang padi yang beroperasi dan daripada

jumlah itu, tiga kilang padi adalah milik bumiputera.

“Berdasarkan itu, kerajaan negeri melalui bahagian Kawalselia Padi Beras negeri Terengganu telah melaksanakan beberapa langkah kawalan iaitu pertama arahan pembekuan semua permit pemindahan padi keluar dari Terengganu.

“Sebaran pemindahan padi tanpa permit merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994,” katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Dr Azman berkata, langkah kawalan seterusnya bagi melindungi kepentingan tempatan ialah Bernas tidak akan membayar subsidi harga padi kepada petani yang menghantar hasil padinya ke kilang padi di negeri lain.

“Langkah ketiga ialah Bahagian



AZMAN

Kawalselia Padi dan Beras menjalankan rondaan dan pemeriksaan berkala di sempadan bagi memastikan tiada pelanggaran arahan dan kesalahan dilakukan.

“Pemeriksaan turut akan dilaksanakan bagi memastikan harga lantai belian padi RM1,300 per tan di kilang-kilang dalam negeri mengikut ketetapan harga kawalan ditetapkan,” jelasnya.

Pada 13 April lepas, sebuah akhbar tempatan melaporkan semua 11 pengilang padi Melayu yang masih ‘hidup’ menggesa Perdana Menteri segera campur tangan bagi menyelesaikan isu monopoli pengilang besar yang sedang mengancam periuk nasi mereka.

Gesaan itu susulan keadaan semakin kritikal dan baki 11 kilang Melayu itu boleh ‘mati’ jika tiada langkah drastik menghentikan monopoli kilang besar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	KOSMO	NEGARA	5

Mat Sabu tegaskan tidak akan lindungi pihak terlibat manipulasi harga

Tiada kartel kawal beras, padi

Oleh NUR FATIN ZAHRA

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti kartel padi dan beras.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan, pihaknya juga tidak akan mencampuri sebarang siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Persekitaran Malaysia.

"Semasa cuti raya minggu lepas, masih ada rakan-rakan yang bertanya tentang benarkah wujud kartel padi dan beras? Soalan ni saya dah jawab beberapa kali kepada media sebelum ini tapi mungkin mereka terlepas pandang.

"Negara kita ada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Antara skop tugas MyCC ini adalah menyiasat kewujudan kartel dalam ekonomi negara kita.

"KPKM tiada halangan dan sentiasa bersedia memberikan sebarang maklumat kepada MyCC pada bila-bila masa dipertlukan. Moga penjelasan ini dapat



MOHAMAD

memberikan pencerahan pada semua," katanya dalam kenyataan di laman Facebook.

Sebelum ini *Kosmo!* melaporkan, KPKM menafikan wujud kartel atau mafia menentukan harga padi, beras dan benih padi seperti yang didakwa sesetengah pihak.

Menurut KPKM, ini kerana



KERAJAAN memberi jaminan tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti kartel padi dan beras. – GAMBAR HIASAN

jumlah pengeluaran sebanyak 39,000 pelbagai lesen antaranya Lesen Borong Beras, Lesen kartel atau mafia dimaksudkan wujud dan mampu memonopoli industri padi dan beras.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

KPKM tak akan lindungi pihak terbabit kartel padi

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menegaskan tidak akan melindungi jika ada mana-mana pihak yang didapati terbabit dengan aktiviti kartel padi dan beras di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan perkara itu dalam hantaran di laman Facebook beliau semalam, berikutan pertanyaan oleh setengah pihak mengenai isu

berkenaan, baru-baru ini. Sehubungan itu, beliau berkata, KPKM sentiasa bersedia menyalurkan sebarang maklumat kepada Suruhanjaya Persekitaran Malaysia (MyCC) sekiranya benar wujud kartel padi

di serta beras dan tidak akan mencampuri sebarang urusan siasatan oleh MyCC.

"Antara skop tugas MyCC ini adalah menyiasat kewujudan kartel dalam ekonomi negara kita.

"Soalan ini saya dah jawab beberapa kali sebelum ini, tapi mungkin mereka terlepas pandang. Moga penjelasan ini dapat memberikan pencerahan kepada semua," katanya.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	THE SUN	NATIONAL	3

Cartel activities will not be tolerated: Minister

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry will not protect any party found to be involved in rice and padi cartel activities in the country, said its minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He clarified the matter in a post on his Facebook page following inquiries from some quarters regarding the issue.

He said the ministry is prepared to provide any information to the Malaysia Competition Commission (MyCC) if there is indeed a rice cartel and will not interfere in any investigations conducted by MyCC.

He added that among the duties of MyCC is to investigate the existence of trade cartels in the country. – Bernama

'No shielding padi cartels'

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) will not protect any party found to be involved in rice and padi cartel activities in the country, says its minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He clarified the matter in a post on his Facebook page yesterday, following inquiries regarding the issue.

In this regard, Mohamad Sabu stressed that KPKM is prepared to provide any information to the Malaysia Competition Commission if there is indeed a rice cartel and assured that the ministry will not interfere in any of its investigations, Bernama reported.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	11

Tak pernah arah anjing liar diracun

Kuala Terengganu: Kerajaan negeri tidak pernah mengarahkan anjing liar berkejaran diracun, walaupun haiwan itu mengancam keselamatan manusia dan ternakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi, Dr Azman Ibrahim (***gambar***) berkata, kerajaan akan berusaha menggunakan kaedah tertentu untuk mengawal populasi anjing liar daripada membiak sehingga menjadi tidak terkawal.

“Kita terkilan dengan dakwaan beratus ekor anjing liar mati disebabkan diracun seperti ditularkan melalui Facebook (FB) Persatuan Penyelamat Haiwan Terbiar Terengganu (PPHTT)”



“Kita terkilan dengan dakwaan beratus ekor anjing liar mati disebabkan diracun seperti ditularkan melalui Facebook (FB) Persatuan Penyelamat Haiwan Terbiar Terengganu (PPHTT).”

“Kerajaan tidak pernah mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) meracun untuk melupuskan anjing liar,” katanya ketika dihubungi, semalam.

PPHTT mendakwa satu operasi penghapusan anjing gelandangan di sekitar

bandaraya Kuala Terengganu dengan memberi makanan beracun, kemungkinan dicampur dengan racun perosak dilakukan pihak tertentu.

Mengulas lanjut, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Jabi mengesahkan turut menerima laporan beratus ekor ternakan peliharaan termasuk kambing dan biri-biri mati diserang anjing liar.

“Berdasarkan laporan awal, anjing liar ini diam-bil individu tertentu bertujuan menjaga kebun, tetapi dibiarkan berkeliaran selepas hasil tanaman di-tuai.

“Walaupun kepentingan rakyat diutamakan, tetapi kaedah pelupusan anjing liar secara berperikemanusiaan perlu dilakukan,” ka-tanya.

Dr Azman berkata, JPV negeri dan PBT sudah di-minta melakukan siasatan secara menyeluruh dakwa-an PPHTT bahawa anjing liar berkeliaran mati di-sebabkan termakan racun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Kupang PD masih tak selamat dimakan



Pegawai DOF, Mohd Faizal Abdul Rahim@Yaacub melakukan kerja-kerja mengangkat pancang kupang untuk mengambil sampel bagi tujuan uji kaji di kawasan penternakan kupang di Sungai Sekawang, Pasir Panjang pada 5 April lalu.

Larangan penjualan kepada pengusaha, nelayan diteruskan

SEREMBAN

Kupang di Port Dickson masih tidak selamat untuk dimakan dan larangan penjualannya kepada pengusaha atau nelayan masih dilaksanakan, kata Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) Kasim Tawe.

Jelas beliau, hasil analisis sampel kedua kupang dan air diambil dari perairan Port Dickson oleh makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur masih mengesan biotoksin melebihi kadar had pengambilan yang selamat.

"Kami perlukan tiga ujian untuk mengenal pasti sama ada nak teruskan atau batalkan larangan mengambil dan menjual kupang dari

lokasi terbabit. Sampel ketiga sudah diambil hari ini dan dijangka Jumaat ini untuk keputusannya.

"Jadi, buat masa ini kupang di kawasan itu masih tidak selamat untuk dimakan dan larangan penjualannya kepada pengusaha atau nelayan masih dilaksanakan," katanya kepada *Bernama* di sini pada Isnin.

Menurutnya, kadar biotoksin di kesan dalam sampel kedua lebih rendah berbanding sampel pertama, namun masih belum mencapai kadar selamat untuk manusia iaitu 800 per bilion (ppb).

Tambahnya, kehadiran biotoksin di perairan itu juga berlaku secara semula jadi dan berkemungkinan dipercepatkan oleh perubahan cuaca atau kandungan nutrien air laut.

Pada 4 April lalu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan perikanan Malaysia (DOF), Wan Aznan Abdullah berkata, hasil analisis makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur mendapati terdapat alga berbahaya menyebabkan kupang di perairan Port Dickson dicemari dan tidak selamat dimakan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

Kupang di Port Dickson masih tak selamat dimakan

Port Dickson: Kupang di Port Dickson masih tidak selamat untuk dimakan dan larangan penjualannya kepada pengusaha atau nelayan masih diteruskan.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe, berkata hasil analisis sampel kedua kupang dan air diambil daripada perairan Port Dickson oleh makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur masih mengesan biotoksin melebihi kadar had pengambilan yang selamat.

“Kami perlukan tiga ujian untuk mengenal pasti sama ada nak teruskan atau batalkan larangan mengambil serta menjual kupang dari lokasi terbabit.

“Sampel ketiga sudah diambil hari ini (semalam) dan dijangka Jumaat ini untuk keputusannya.

“Jadi, buat masa ini kupang di kawasan itu masih tidak selamat untuk dimakan dan larangan penjualannya kepada pengusaha atau nelayan masih terpakai sehingga kini,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata kadar biotoksin yang dikesan



Kupang yang terdapat di perairan Pasir Panjang.

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

dalam sampel kedua lebih rendah berbanding sampel pertama namun ia masih belum mencapai kadar selamat untuk manusia iaitu 800 per bilion (ppb).

Menurut beliau, kehadiran biotoksin di perairan terbabit juga berlaku secara semula jadi dan berkeungkinan dipercepatkan oleh perubahan cuaca atau kandungan nutrien air laut di perairan itu.

Pada 4 April lalu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Perikanan Wan

Aznan Abdullah dilaporkan berkata hasil analisis makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur mendapati terdapat alga berbahaya yang menyebabkan kupang di perairan Port Dickson dicemari dan tidak selamat dimakan.

Beliau berkata sampel air dan kupang di perairan tersebut dicemari biotoksin serta alga spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* berbahaya dan tidak selamat untuk dimakan.

Ujian sampel kedua dapati hidupan berkenaan masih tidak selamat untuk dimakan

Kupang Port Dickson lebih biotoksin

Oleh NOR AINNA HAMZAH

SEREMBAN – Kupang dari perairan Port Dickson khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang di sini, masih dicemari biotoksin dan tidak selamat untuk dimakan.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, hasil berkenaan diperolehi dari pada keputusan sampel kedua kupang di perairan berkenaan yang masih positif biotoksin melebihi kadar yang dihadkan pengambilan.

Menurut beliau, kadar biotoksin lebih rendah daripada sampel pertama tetapi masih melebihi had pengambilan selamat untuk manusia iaitu 800 ppb.

"Hari ini, kami ambil sampel sekali lagi untuk ujian kali ketiga. Buat masa ini, kupang dari perairan Port Dickson masih tidak selamat dimakan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Pada 4 April lalu, media melaporkan hasil analisis yang dijalankan mendapati terdapat tiga alga berbahaya iaitu spesies *prorocentrum*, *alexandrium* serta *pseudonitzschia*.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) DOF, Wan Muham-

mad Aznan Abdullah berkata, keputusan itu diperolehi daripada analisis makmal yang dijalankan oleh makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur.

Menurut beliau, pihaknya akan membuat pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sehingga kepadatan sel di dalam air berkurangan dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan.

"Kupang atau kerang-kerangan di perairan ini (Port Dickson) tidak selamat dimakan dan kita sarankan masyarakat tidak mengambil kerangan (kupang, lokan, kerang dan lala) di sini. Kita ambil sela masa sesuai kira-kira 20 hari (larangan ini) untuk memastikan kerangan selamat dimakan serta analisis berikutnya untuk pengesanan kerangan selamat dimakan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, lapan individu terpaksa dimasukkan ke hospital dengan dua daripadanya dirawat di unit rawatan rapi (ICU) selepas mengalami keracunan akibat memakan kupang yang dibeli dari dua buah pasar di sekitar daerah Port Dickson.



GAMBAR fail menunjukkan ternakan kupang yang diusahakan di Pangkalan Nelayan Telok Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Sampel kedua kupang masih mengandungi biotoksin berbahaya

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrulisa@mediamulla.com.my

SEREMBAN: Analisis makmal terhadap sampel kedua kupang yang diambil dari kawasan penempatan di Pasir Panjang di sini masih mengesan wujudnya biotoksin berbahaya pada kupang tersebut.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, hasil keputusan analisis makmal yang sudah dihantar ke Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur pada 8 April lalu itu telah mengesan keputusan positif biotoksin melebihi had pengambilan selamat untuk manusia iaitu 800 bahagian per bilion (ppb).

"Sampel kedua masih positif biotoksin bagaimanapun kadar biotoksin lebih rendah daripada dari sampel pertama tetapi masih melebihi had pengambilan selamat untuk manusia iaitu 800 ppb. Oleh itu kami masih lagi meminta untuk tiada pengambilan kupang dari perairan Port Dickson.

"Hari ini (semalam) kami ambil sampel sekali lagi untuk ujian kali ketiga dan keputusan-nya dijangka dapat diketahui pada hari Jumaat minggu ini," katanya ketika dihubungi.

Pada 4 April lalu, kupang di perairan Port Dickson disahkan dicemari biotoksin berbahaya dan tidak selamat dimakan hasil analisis makmal yang dijalankan oleh Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur di kawasan berkenaan.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia, Wan Muhamad Azman Abdullah berkata, analisis yang dijalankan mendapati terdapat tiga alga berbahaya iaitu spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia*.

Sehubungan itu, pihaknya menyarankan kupang dan dwicengkerang lain seperti kerang di perairan Port Dickson tidak selamat dimakan meminta masyarakat tidak mengambil kerang-kerangan perairan tersebut.



PENTERNAKAN kupang yang diusahakan di kawasan Pasir Panjang, Port Dickson. - UTUSAN/MOHD. SHAHJAHAN MAAMIN

Jabatan Perikanan juga mengambil tindakan penguatkuasaan dengan tidak membenarkan kerang-kerangan di Port Dickson dikeluarkan dan dijual di pasaran awam.

Katanya, pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala me-

ngikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan akan dilakukan sehingga kepantasan sel di dalam air berkurang dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan.

Menurutnya, tempoh masa seminggu untuk ujian makmal semula akan dilakukan namun

pihaknya akan mengambil masa selama 20 hari dan selepas itu jika dua kali analisis mendapati ia selamat, Jabatan Perikanan akan mengisytiharkan kerang-kerangan kawasan itu selamat untuk dimakan.

Sebelum itu, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNS) memaklumkan terdapat lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal berlaku di Port Dickson.

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Datuk Dr. Harlina Abdul Rashid berkata, kejadian keracunan tersebut mula dikesan pada 1 April lalu apabila Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Port Dickson menerima makluman dari pihak Hospital Port Dickson.

Siasatan awal mendapati ke semua kes terdiri daripada beberapa buah keluarga yang berbeza dan mempunyai sejarah memakan kupang yang dibeli dari dua buah pasar di sekitar Port Dickson.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Bangkai ikan lumba-lumba ditemui terdampar di Yan

YAN: Seorang penduduk menemukan bangkai seekor ikan lumba-lumba yang pada awalnya disangka akar pokok terdampar di pantai di Kampung Kuala Ruat di sini, semalam.

Ku Ridzuan Ku Hamid, 33, berkata, ketika itu dia sedang membantu melayan pelanggan yang datang ke kedai runcit milik keluarga mentuanya terletak berhadapan pantai.

"Lebih kurang pukul 4.45 petang semalam, saya memandang ke arah pantai dan terlihat satu objek seperti akar pokok besar terdampar di situ, tapi saya curiga dengan bentuknya.

"Jadi, disebabkan ingin tahu objek apa yang berada di atas pantai itu, saya bergegas ke lokasi yang terletak kira-kira empat meter dari rumah dan terkejut apabila mendapati bangkai seekor ikan lumba-lumba," katanya ketika ditemui.

Menurut Ku Ridzuan, dia memeriksa bangkai itu dan mendapati bahagian mulutnya berdarah sebelum menghubungi Angkatan Pertahanan Awam (APM) Yan untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Pegawai APM



BANGKAI ikan lumba-lumba yang ditemukan terdampar di pantai di Kampung Kuala Ruat, Yan.

Yan, Leftenan Zul Izzi Zulkifli berkata, pihaknya menerima panggilan berkaitan penemuan bangkai itu pada pukul 5.05 petang dan menggerakkan seramai enam petugas ke lokasi.

"Sebaik sahaja sampai kita dapati ikan lumba-lumba yang belum diketahui jenisnya seberat kira-kira 220 kilogram dan panjang 1.8 meter. Terdapat kesan darah di bahagian mulutnya dipercayai terkena kipas bot ne-

layan.

"Kami kemudian menghubungi Jabatan Perikanan Kedah bagi memaklumkan penemuan dan dengan kebenaran pihak terlibat, bangkai ikan itu kemudiannya dialih untuk tindakan seterusnya," katanya.

Menurut Zul Izzi, penemuan bangkai berkenaan merupakan kes pertama membabitkan bangkai ikan lumba-lumba di perairan Yan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	21



Anggota APM Yan memeriksa keadaan bangkai ikan lumba-lumba yang ditemui terdampar di Pantai Ruat. (Foto ihsan APM)

Bangkai ikan lumba-lumba terdampar di Pantai Ruat

Yan: Seekor ikan lumba-lumba ditemui mati terdampar di pesisir Pantai Ruat di sini kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Yan, Leftenan Zul Izzi Zulkifli, berkata pihaknya menerima laporan berhubung kes itu daripada orang awam pada jam 5 petang semalam.

Beliau berkata, seramai

enam orang petugas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) diketuai Leftenan (PA) Salim Aziz bergerak ke lokasi kejadian untuk melihat keadaan haiwan berkenaan.

"Sebaik tiba di lokasi, anggota APM Yan mendapati seekor ikan lumba-lumba terdampar di pantai disayiki terkena kipas bot.

"Berikutan itu, APM Yan bertindak memaklumkan kepada pihak Jabatan Perikanan Negeri Kedah dan mengalihkan bangkai ikan berkenaan ke lokasi lain bagi tindakan seterusnya.

"Ikan lumba-lumba terbabit dianggarkan sepanjang 1.8 meter dan beratnya 220 kilogram (kg)," katanya dalam kenyataan semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Ikan lumba-lumba mati disyaki terkena kipas bot

YAN - Seekor ikan lumba-lumba dianggarkan seberat 220 kilogram ditemukan mati terdampar di pesisiran Pantai Ruat, Yan, dekat sini pada Ahad.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Yan, Leftenan (PA) Zul Izzi Zulkifli berkata, pihaknya menerima maklumat penemuan ikan lumba-lumba tersebut kira-kira jam 5 petang daripada orang awam.

Menurutnya, sepasukan enam petugas bergerak ke lokasi ikan lumba-lumba dianggarkan sepanjang 1.8 meter yang terdampar itu.

"Setelah sampai di lokasi kejadian, anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) Yan mendapati seekor ikan lumba-lumba telah terdampar di pantai disyaki terkena kipas bot.

"Susulan itu, pihak APM Yan

LOKASI IKAN LUMBA-LUMBA DITEMUKAN DI MALAYSIA

- Selat Melaka
- Perairan Langkawi
- Perairan Pulau Pinang
- Perairan Terengganu dan Pahang
- Hutan Simpan Bakau Kuala Sepetang, Perak
- Perairan Sabah dan Sarawak

bertindak memaklumkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Kedah," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tambahnya, bangkai ikan tersebut telah dialihkan ke lokasi lain untuk tindakan seterusnya.

Zul Izzi berkata, penemuan ikan lumba-lumba itu adalah kes yang pertama diuruskan oleh APM setakat ini.



Dua anggota APM melihat bangkai ikan lumba-lumba yang ditemukan mati di pesisiran Pantai Ruat, Yan pada Ahad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	6

Lokal

IKAN
lumba-lumba
yang
terdampar
di persisiran
Pantai Ruat
di Yan.



Bangkai lumba-lumba 220kg terdampar

Alor Setar: Bangkai seekor ikan lumba-lumba dianggarkan seberat 220 kilogram dan panjang 1.8 meter ditemui terdampar di persisiran Pantai Ruat di Yan, kelmarin.

Pertahanan
Pegawai
Awam Daerah Yan Lefte-

nan (PA) Zul Izzi Zulkifli berkata pihaknya menerima makluman mengenai penemuan bangkai ikan lumba-lumba itu daripada orang awam pada kira-kira 5 petang.

3 petang.
"Enam anggota APM
(Angkatan Pertahanan

Awam Malaysia) digerakkan ke lokasi kejadian dan sebaik tiba mendapati seekor ikan lumba-lumba telah terdampar di pantai itu disyaki terkena kipas bot.

"APM kemudiannya memaklumkan perkara itu kepada Jabatan Perikatan Ne-

geri Kedah dan mengalihkan bangkai ikan itu ke lokasi lain bagi tindakan seterusnya," katanya.

Beliau berkata ini adalah kes pertama penemuan bangkai ikan lumba-lumba di sini yang dikendalikan oleh pihak APM.

LPP terima 2,500 tan kuota BPT setiap bulan atasi bekalan kurang

Keterjaminan makanan negara dijangka bertambah baik melalui pelbagai usaha dilaksanakan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menerima 2,500 tan kuota beras putih tempatan (BPT) setiap bulan sepanjang tahun ini untuk dipecahkan, sekali gus mampu mengatasi isu ketidadaan beras di pasaran.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azalina Salim, berkata pihaknya yakin bekalan BPT tidak terputus bermula dari ini kerana pihaknya membuat pengalutiran beras.

Bekalan BPT, julain BPT untuk diperhebat melalui platform Jualan Agro MADANI, khususnya ke kawasan B40 bersama Lembaga Pemusatan Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikon Malaysia (LIKMA).

"Setiap bulan, kita dapat 900 tan dan kita menambah tambahan kuota. Kita kini mendapat 2,500 tan sebulan hingga hujung tahun."

"Kita menjangkakan bekalan BPT berterusan tanpa putus, sekali gus menyelesaikan masalah bersebelahan."

Azalina Salim,
Ketua Pengarah Lembaga
Pertubuhan Peladang

berlaku sebelum ini," katanya kepada BH di sini.

Dalam Mesyuarat Majlis Tinjauan Sara Hidup Negara (NACCO) sebelum ini, kerajaan memutuskan semua stok beras sedia ada dan bekalan BPT akan diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan serentak.

Bekalan itu didedahkan secara berperingkat melalui tiga keredah intervensi menggunakan platform LPP, Lembaga Pemusatan Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pasar raya besar.

Walaupun pengedaran BPT

Azalina berkata, sejak Septembar ini, bekalan BPT telah dipecahkan kepada 2,487 tan dengan nilai jualan RM6.49 juta.

Selaras mendapat arahan kerajaan pada 19 Mac lalu, katanya, LPP mula membuat pengedaran BPT secara berperingkat dengan lima Pertubuhan Peladang dititik sebagai pusat pengedaran (JOC) sehingga 30 Mac ini.

Sehingga kini, lima JOC telah menerima bekalan sebanyak 1,029 tan kepada pihak kilang pengeluar.

"Penerimaan bekalan beras dari kilang adalah secara berperingkat dan bekalan beras yang diterima sehingga 3 April ini ialah 383 tan."

Sejumlah 134.4 tan ini didedahkan DC ke 21 premis outlet peruncian beras di Putrajaya, Melaka, Selangor, Perak dan Terengganu untuk melaksanakan jualan," katanya.

Bekalan BPT diterima

Kita menjangkakan bekalan BPT berterusan tanpa putus, sekali gus menyelesaikan masalah bersebelahan



Orang ramai beratur bagi mendapatkan beras putih tempatan yang dijual di outlet Lembaga Pertubuhan Peladang. (SMA Hassan)

Eksklusif

Bekalan beras dari tiga pengilang akan didedahkan secara berperingkat ke 103 outlet yang kebanyakannya terletak berhampiran kawasan B40 dan masyarakat peladang termasuk di kawasan bandar di Putrajaya.

Dalam perkembangan lain, Azalina berkata, Kementerian Makanan negara dijangka bertamabah baik apabila pelbagai jenis beras akan diproses, peruncian dan penempatan khususnya bawang, padi dan dagang. Katanya, LPP turut menyumbang dengan mengurangkan tahap import terhadap bawang. "Negara bergantung hampir 100 peratus kepada bawang import khususnya dari India, Belanda, China, Pakis-



LPP yakin bekalan BPT akan stabil melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan.

tan dan Thailand. Melalui program rintis peruncian bawang, sekitar 528 hektar kawasan tanaman itu akan dilaksanakan secara berperingkat tahun ini.

"Bagi projek perintis, LPP membina tanaman di beberapa lokasi, termasuk sayur-sayuran lebih kurang antara 10 hingga 20 peratus,

Usahawan kek kongsi rezeki menerusi program kebajikan

Kobis Bunga Bakery peruntukkan sebahagian jualan untuk disalurkan kepada golongan memerlukan

Oleh Muhammad Zulsyamini
Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Parit Buntar: Prinsip berkongsi rezeki mendorong usahawan hagian perolehan hasil jualan kek dan biskut yang diusahakan mereka kepada pelbagai aktiviti kebajikan, dijanjurkan sendiri, termasuk kelas mengaji al-Quran dikendalikan secara percuma.

Norul Syafinas Abu Bakar, 38, berkata selain itu perniagaan Kobis Bunga Bakery yang diusahakan bersama suami, Mohd Adri Adha Mohamad, 37, turut menyalurkan sebahagian hasil jualan kepada golongan memerlukan.

Antaraya program bagi membantu anak sah taraf dan wanita terlanjur menerusi Jualan Kek Amal Rumah Kita yang dijanjurkan pada 2017 dan program pemberian 120 bungkus nasi lemak percuma yang dilekakkan di hadapan premis me-

reka setiap hari.

Norul Syafinas berkata, konsep belian sambil beramal itu juga membawa kepada penganturan program lain yang dilakukan secara berkala, antaranya sumbangan kepada sekolah, pertubuhan rumah kebajikan anak yatim, serta bantuan kepada mangsa banjir.

"Daripada hasil jualan setiap hari, kita akan memperuntukkan antara RM300 hingga RM400 sehari untuk program kebajikan yang akan dilaksanakan itu. Sebahagian daripada duit hasil jualan harian itu akan diasingkan terlebih dahulu untuk kita memberi (kebakikan) kepada orang."

"Kami juga suka bagi orang makan dan kalau ada rezeki lebih, kita akan masak dan agihkan makanan ke kampung atau menghulurkan bantuan seperti beras, mi, telur, sayur dan sebagainya kepada yang memerlukan. Lazimnya, kita buat dua bulan sekali program sebegini dan kadang kala ia dilakukan secara usaha sama dengan pelbagai pihak seperti masjid," katanya kepada BH.



Mohd Adri menyampaikan bantuan beras sambil diperlihatkan Norul Syafinas menerusi program kebajikan yang dijanjurkan perniagaan Kobis Bunga Bakery secara dwi bilangan. (Foto ihsan Norul Syafinas Abu Bakar)

150 kek sehari

Graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu berkata, Kobis Bunga Holdings Sdn Bhd yang diterajunya sejak 10 tahun lalu, kini menghasilkan 27 variasi kek membabitkan penghasilan sebanyak 150 kek sehari atau 4,500 kek sebulan dengan dibantu seramai 33 pekerja.

Katanya, pada 2023, hasil jualan perniagaannya mencatatkan sebanyak RM3.1 juta, sedikit menurun berbanding 2022 iaitu RM3.4 juta. Namun, Norul Syafinas dan suami sentiasa bersyukur dengan rezeki

resort dan kedai bakeri, dari situlah banyak pengalaman saya perolehi.

"Selepas itu saya mula membuat kek dan menjualnya di tapak ekspo dan bazar Ramadan sekitar Parit Buntar, sebelum ditawarkan untuk menyewa sebuah kedai di bangunan Arked MARA. Menerusi MARA saya memperoleh bantuan sebanyak RM70,000 selain RM200,000 pinjaman melalui agensi itu," katanya.

Norul Syafinas berkata, Jabatan Pertanian pula menawarkan bantuan berjumlah RM10,000 bagi membeli peralatan dan kelengkapan termasuk dua peti sejuk, disusuli bantuan daripada FAMA beberapa bulan lalu.

"Bantuan menerusi FAMA adalah Geran Usahawan Agro berjumlah RM20,000 bagi membeli peti sejuk, papan tanda premis, mesin juruwang dan rak," katanya turut mengakui pembabitannya bersama Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) selaku agensi kerajaan negeri juga banyak membantunya.

Menerusi pelan pembangunan negeri, pelan Perak Sejahtera 2030, cerutan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, ia melancarkan Program Pembolehlayaan Modal Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat sebagai antara inisi pati atau *flagship* di bawah sasaran 1 Keluarga 1 Usahawan serta 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi, dengan STeP sebagai antara agensi penerapannya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	11

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Masalah jeti nelayan di Kampung Sungai Bagan Laut, Rengit yang semakin uzur akan diangkat kepada pihak berkaitan termasuk Jabatan Perikanan dan juga Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Ahli Parlimen Batu Pahat, Onn Abu Bakar berkata, beliau akan bertemu agensi terbabit untuk berunding mengenai masalah itu.

Beliau turut mengakui keperluan di jeti berkenaan perlu diberi perhatian kerana keadaannya yang semakin uzur.

Beliau berkata, hasil peremuan dengan sebahagian nelayan di kawasan itu, jeti itu perlu dipanjangkan lagi sehingga 30 meter.

"Apa yang saya lihat dan dengar keluhan mereka, jeti yang sedia ada sudah tidak cukup untuk menampung bot sedia ada.

"Jadi, saya turun ke kawasan untuk mendengar permasalahan yang diha-



Kewajaran untuk menaik taraf atau membina jeti baru memang ada jika dilihat dengan jumlah bot semakin bertambah"

Onn Abu Bakar

dapinya dan saya akan berusaha membawa isu ini ke peringkat tertinggi.

"Kewajaran untuk menaik taraf atau membina jeti baru memang ada jika dilihat dengan jumlah bot semakin bertambah," katanya ketika dihubungi.

Semalam, Harian Metro melaporkan keluhan 50 nelayan pantai di Kampung Sungai Bagan Laut, dekat Rengit yang terpaksa berhongsi ruang untuk melabuhkan bot masing-masing.



ONN Abu Bakar (dua dari kanan) ketika meninjau keadaan jeti di Kampung Sungai Bagan Laut, Rengit. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

la susulan jeti yang telah keadaaan tiang di bahagian tengah sudah pecah. Situasi ini menambah-

SUSULAN JETI NELAYAN KAMPUNG SUNGAI BAGAN LAUT, RENGIT UZUR

Sudah dua kali mohon

kan kesukaran nelayan untuk turun ke pantai kerana terpaksa berhimpit malah tidak kurang juga yang membuat sambungan menggunakan duit poket sendiri.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Komuniti Nelayan Bagan Laut, Rosman Arifin berkata, pihaknya membuat dua permohonan terdiri pembesaran jeti dan bangunan pejabat.

Menurutnya, kedua-dua permohonan itu dibuat berdasarkan memandangkan bangunan sedia terluasan.

"Jika ada pihak tertentu termasuk wakil rakyat datang melawat, tiada tempat untuk kami (nelayan) berbincang secara bersemuka.

"Kami harap, permohonan itu diluluskan kerana penting bagi komuniti nelayan di sini menikmati kemudahan yang selesa," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	5

Alor Setar: Takungan air di tiga empangan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) masih di tahap memuaskakan bagi menampung keperluan pengairan dan kegunaan domestik sepanjang fenomena El Nino melanda.

Setakat semalam, takungan Empangan Pedu berada pada tahap 71.26 peratus, Empangan Ahning (88.83 peratus) dan Empangan Muda (36.22 peratus) dengan jumlah keseluruhan takungan empangan 70.88 peratus.

Mada dalam kenyataan berkata, biarpun jumlah takungan di Empangan Muda berkurangan, pen-

duduk tidak perlu bimbang berikutan air di empangan itu digunakan untuk menyokong takungan air di Empangan Pedu bagi tujuan pengairan.

“Empangan Muda tidak salurkan air ke mana-mana terusan kerana Empangan Muda dan Empangan Pedu ini berkongsi air yang sa-

ma, maksudnya ada terowong antara kedua empangan ini.

“Sehingga kini kedua-dua takungan air semua empangan berada dalam keadaan baik termasuk bagi tujuan tanaman padi musim pertama

2024 yang dijangka bermula pada 17 April ini (lusa),” katanya.

FENOMENA EL NINO

Tiga empangan Mada ada takungan cukup

Kedudukan takungan air semua empangan berada dalam keadaan baik

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Takungan air di tiga empangan MADA masih memuaskan

Alor Setar: Takungan air di tiga empangan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih di tahap memuaskan bagi menampung keperluan pengairan dan kegunaan domestik sepanjang fenomena El Nino melanda.

Setakat semalam, takungan Empangan Pedu berada pada tahap 71.26 peratus, Empangan Ahning (88.83 peratus) dan Empangan Muda (36.22 peratus) dengan jumlah keseluruhan takungan empangan adalah 70.88 peratus.

MADA dalam kenyataan berkata, biarpun jumlah takungan di Empangan Muda berkurangan, penduduk tidak perlu bimbang berikutan air di empangan itu digunakan untuk menyokong takungan air di Empangan Pedu bagi tujuan pengairan.

“Empangan Muda tidak salurkan air ke mana-mana terusan kerana Empangan Muda dan Empangan Pedu ini berkongsi air yang sama, maksudnya ada terowong antara kedua empangan ini.

“Sehingga kini kedudukan takungan air semua empangan berada dalam keadaan baik termasuk bagi tujuan tanaman padi musim pertama 2024 yang dijangka bermula pada 17 April ini (esok),” katanya.

Menurut kenyataan itu, berdasarkan perbandingan tarikh yang sama tahun lalu, paras empangan semasa mengalami penurunan apabila jumlah keseluruhan takungan empangan pada 15 April 2023 mencatatkan 82.24 peratus.

Katanya, pada tempoh itu (tahun lalu) Empangan Pedu mencatatkan 80.82 peratus, Empangan Ahning (98.99 peratus) dan Empangan Muda (62.36 peratus).

Sebelum ini media melaporkan tiga empangan di bawah seliaan MADA dijangka mampu bertahan untuk menampung keperluan pengairan sepanjang fenomena El Nino yang dijangka berlarutan sehingga Jun depan.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning mampu untuk menyalurkan bekalan air ke kawasan Muda sehingga Jun depan.

Bagaimanapun, beliau berkata MADA sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghadapi cuaca panas akibat fenomena El Nino termasuk memantau laporan semasa Jabatan Meteorologi (MetMalaysia).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	HARIAN METRO	BISNES	27

Kota Bharu: Program bimbingan perniagaan Agrobank Upward Migration (AUM) yang bermula sejak 2021 berjaya membantu ramai peserta menyertainya meningkatkan kapasiti perniagaan mereka ke tahap lebih baik serta berdaya saing.

Program berkenaan yang diketendalikan Agrobank Centre of Excellence (ACE) bertujuan untuk mengenal pasti syarikat perniagaan mikro, kecil dan sederhana yang berpotensi meningkat ke tahap lebih baik.

Seorang peserta yang mengikuti program berkenaan, Mohd Farhan Mat Yaacob, 31, berkata selepas mengalami krisis kejatuhan perusahaan pada tahun 2020, beliau berasa buntu untuk mencari dana bagi meneruskan kelangsungan hidup dan me-

ngembangkan perniagaan masaran yang diberikan secara percuma,” katanya ketika ditemui Bernama di Kampung Kubang Bongor, dekat sini, baru-baru ini.

“Saya mula mendapatkan kan dana pembiayaan dari Agrobank menerusi program AUM ini pada 2021 kerana yakin dapat meningkatkan perniagaan dengan bantuan dan bimbingan yang diberikan oleh ins-

titusi kewangan ini.

“Selain pembiayaan, banyak inisiatif lain yang ditawarkan menerusi program ini termasuk kursus, teknik perniagaan dan pe-

tersebut, hasil jualan perniagaan sejuk beku seperti daging lembu, kambing dan ayam mencecah lebih RM2 juta sebulan.

“Sebelum pandemik Co-

Program AUM Agrobank bantu tingkat kapasiti perniagaan

vid-19, saya hanya menterak dan menjual kambing sahaja dengan harga yang dijual sekitar RM400 hingga RM1,500 bergantung pada jantina, saiz, umur dan baka.

“Tetapi apabila berlaku penularan Covid-19, perniagaan saya jatuh merundum dan terpaksa mencari alternatif lain untuk teruskan jualan ini sehingga tercetusnya idea membuat sejuk beku pula.

“Alhamdulillah, apabila Agrobank bantu beri dana, jualan saya makin meningkat,” katanya yang turut mengimport kambing dari luar negara iaitu Australia, Thailand dan Myanmar.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2024	KOSMO	NEGARA	16

Timbunan beting pasir halang pergerakan bot

Nelayan resah muara Pantai Penunjuk cetek

Oleh NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN – Biar pun Monsun Timur Laut (MTL) sudah lebih sebulan berakhir, seramai kira-kira 30 nelayan masih tidak dapat turun ke laut mencari rezeki ekoran muara Pantai Penunjuk, Kijal di sini cetek.

Salah seorang nelayan, Zamri Jusoh, 60, mendakwa, timbunan beting pasir yang banyak telah menutup muka kuala pantai berkenaan sekali gus menyebabkan bot mereka tersadai.

"Sepatutnya kami sudah boleh turun ke laut pada awal bulan lalu tetapi muara cetek menghalang pergerakan bot.

"Ia agak meresahkan kami kerana menangkap ikan sahajalah sumber pendapatan kami. Su-

dahlah empat bulan sebelum ini tiada pendapatan disebabkan musim tengkujuh," dakwanya ketika ditemui di Pantai Penunjuk, Kijal di sini semalam.

Zamri mendakwa, tanpa pendapatan, dia dan rakan-rakannya terpaksa mengikat perut sehingga menyebabkan sambutan Hari Raya Aidilfitri mereka pada minggu lalu agak hambar.

Zainuddin Mat Hussin, 52, pula mendakwa, satu-satu cara untuk turun ke laut ialah menunggu air pasang penuh.

Dakwanya, sewaktu air pasang penuh, ketinggian air di muara akan meningkat sehingga 2.5 meter untuk membolehkan bot keluar ke laut tanpa halangan beting pasir.

"Masalahnya masa banyak terbangun menunggu air pasang

penuh malah bot juga sukar kembali mendarat ke jeti selepas selesai menangkap ikan ekoran air sudah surut pada masa itu.

"Kena tunggu air pasang penuh untuk kembali ke jeti. Kalau tidak bot kita akan tersadai atau berisiko bocor terkena beting pasir," dakwanya.

Zainuddin mendakwa masalah muara Pantai Penunjuk cetek bukan isu baharu malah telah berlarutan sejak lima tahun lalu.

Dakwanya, langkah jangka pendek mengorek beting pasir yang dilakukan pihak berwajib setiap kali berakhirnya musim tengkujuh sebelum ini tidak pernah menyelesaikan masalah.

"Kalau boleh mahu selesai lebih jitu agar masalah yang menjadi duri dalam daging kepada periuk nasi kami," dakwanya.



SEBAHAGIAN bot nelayan tersadai kerana muara cetek di Pantai Penunjuk, Kijal, Kemaman semalam.